3.2.1	Menulis	Mengimlak perkataan dan frasa yang dibacakan dengan tepat.

Ping Pong

Menulis

Aktiviti

1. Baca dan fahami petikan.
2. Salin semula perkataan dan frasa dengan tepatnya.

Sukan ping pong merupakan sukan yang sangat popular dalam kalangan masyarat Barat dan Timur. Sukan ini turut dikenali dengan nama tenis meja. Pada hari ini, sukan ping pong menjadi salah satu sukan utama dalam kejohanan sukan Olimpik.

Sukan ping pong ini boleh dimainkan secara perseorangan atau beregu dengan menggunakan raket kayu yang dikenali sebagai bet. Meja ping pong berbentuk empat segi tepat, berukuran 2.74 meter panjang dan 1.56 meter lebar. Permainan ini memerlukan permukaan meja yang keras bagi membolehkan bola ping pong yang diperbuat daripada seluloid atau bahan plastik melantun. Di tengah-tengah meja pula perlu diletakkan jaring setinggi 15 sentimeter. Ketika permainan berlangsung, pemain perlu membenarkan bola melantun hanya sekali sahaja dalam kawasan sendiri sebelum dapat memukul bola tersebut ke kawasan pihak lawan. Mata pula akan dikira apabila pemain lawan gagal mengembalikan bola mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Di Malaysia dan juga pada peringkat dunia, kedudukan sukan ping pong ini semakin kukuh dan terus berkembang. Kemuncak daripada perkembangan sukan ini ialah apabila diterima dan diiktiraf sebagai salah satu acara dalam Sukan Olimpik di Seoul pada tahun 1988.

Bermula tahun 1990, Malaysia telah menghantar beberapa pemain muda ke luar negara seperti ke Jepun dan Korea Selatan untuk mendapat latihan intensif yang lengkap. Persatuan Ping Pong Malaysia berhasrat mencari bakat baharu yang terdiri daripada pelbagai kaum untuk menganggotai persatuan ini seterusnya mengharumkan nama negara.

(Sumber: Diubah suai daripada buku *Ping Pong: Siri Aktiviti Meniti Kejayaan*, UP&D, 2006)



BUKU TEKS MUKA SURAT 208

LIVEWORKSHEETS

Salin balik petikan diatas dengan betul.

LIVEWORKSHEETS

LIVEWORKSHEETS